

17/02/2000

60,000 dijangka kunjungi festival pelancongan Melaka

KUALA LUMPUR, Rabu - Festival Pelancongan Melaka 2000 yang akan berlangsung dari 18 hingga 23 Februari di Persiaran KLCC, Jalan Ampang, dijangka menarik 60,000 pelancong.

Pelbagai acara menarik diadakan sempena festival yang julung kali diadakan itu. Selain memperkenalkan Melaka sebagai negeri yang kaya dengan sejarah dan budaya tetapi juga menawarkan tarikan dalam tujuh sektor utama seperti rekreasi, membeli belah, persidangan, kesihatan, pendidikan serta pelancongan berasaskan pertanian.

Ketua Penyelaras Festival Pelancongan Melaka 2000, Datuk Rosle Jaamat berkata acara itu dijadual dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 18 Februari.

"Sekiranya sambutan yang diterima menggalakkan, kami merancang mengadakan acara seperti ini di Singapura," katanya.

Kemasukan adalah percuma dan pengunjung turut berpeluang memenangi motosikal Kriss Modenas, keahlian Kelab Golf Pusat Peranginan A'Famosa dan pelbagai hamper untuk cabutan bertuah pada 23 Februari.

Selain itu juga diadakan bengkel dan seminar untuk industri seperti pelancongan, kesihatan, pendidikan, sejarah dan rekreasi yang dijangka dihadiri pengusaha serta penggiat bidang berkenaan.

Pameran yang menyediakan 91 gerai untuk peserta itu terbuka untuk kunjungan orang ramai dari jam 11 pagi hingga 10 malam.

Acara yang dianjurkan Kerajaan Melaka itu ditaja oleh Berita Harian Sdn Bhd, The New Straits Times, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional, DRB Hicom, Takaful Nasional Sdn Bhd dan Nanyang Siang Pau.